



# Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia

No. Rujukan : NAAM/KEJ 31.22  
Tarikh : 26 SEPTEMBER 2022

## Ahli Gabungan NAAM

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

### JEMPUTAN KE KEJOHANAN MEMANAH PODIUM 2022

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Majlis Sukan Negara Malaysia akan menganjurkan kejohanan tersebut bertujuan untuk memilih atlet-atlet bagi program Podium tahun 2023. Kejohanan tersebut akan diadakan bertempat di Kompleks MSN Nilai Negeri Sembilan sebanyak 4 siri iaitu pada:

Tarikh Siri 1 : 7 – 9 Oktober 2022  
Tarikh Siri 2 : 28 – 30 Oktober 2022  
Tarikh Siri 3 : 18 – 20 November 2022  
Tarikh Siri 4 : 9 – 11 Disember 2022

Sehubungan itu, pihak kami ingin menjemput pemanah-pemanah dari pasukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Maklumat lengkap berkaitan kejohanan tersebut adalah seperti yang dilampirkan.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,

(DATO' HAJI ABDUL HAMID HAJI HASAN)

Presiden

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia



Kompleks Sukan MSN Nilai,  
Jalan Persiaran Perbandaran,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan



+6019-3941984  
+6019-4888282



honsecretary@masarchery.org  
<http://masarchery.org>



## MATLAMAT KEJOHANAN

Kejohanan ini merupakan pemilihan atlet bagi program Podium tahun 2023.

## TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh Siri 1	: 7 – 9 Oktober 2022
	Tarikh mendaftar : 23/09/2022
	Tarikh tutup : 30/09/2022
Tarikh Siri 2	: 28 – 30 Oktober 2022
	Tarikh mendaftar : 10/10/2022
	Tarikh tutup : 21/10/2022
Tarikh Siri 3	: 18 – 20 November 2022
	Tarikh mendaftar : 01/11/2022
	Tarikh tutup : 11/11/2022
Tarikh Siri 4	: 9 – 11 Disember 2022

## PERATURAN SIRI 1 – SIRI 3

## TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : Kompleks Sukan MSN Nilai, Negeri Sembilan

(Jumaat)	Practice Team Managers Meeting Equipment Inspection
(Sabtu)	70m Rounds Recurve Men 50m Rounds Compound Men
(Ahad)	70m Rounds Recurve Women 50m Rounds Compound Women

## PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Ahli gabungan perlu daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan alamat email dan kata laluan yang telah ditetapkan oleh NAAM. Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

# KEJOHANAN MEMANAH PODIUM

Nilai, Negeri Sembilan



Hubungi pihak NAAM ([events@masarchery.org](mailto:events@masarchery.org)) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

## KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1. Recurve Men Individual
2. Recurve Women Individual
3. Compound Men Individual
4. Compound Women Individual

## PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini tiada had jumlah penyertaan. Setiap peserta haruslah didaftarkan atas nama pasukan negeri masing-masing. Selain daripada pasukan negeri, hanya ATM, PDRM dan MASUM sahaja akan dibenarkan masuk.

Walaupun kejohanan ini tiada had jumlah penyertaan, pasukan disarankan untuk menghantar atlet yang benar-benar layak untuk ke kejohanan ini sekurang-kurangnya pemanah yang mampu untuk mencapai markah MQS yang telah ditetapkan. Atlet-atlet yang dipilih untuk menyertai kejohanan ini haruslah sekurang-kurangnya telah mencapai markah seperti di bawah:

RM	=	620
RW	=	580
CM	=	670
CW	=	660

Peserta yang tidak melepasi MQS (sila rujuk pada Peraturan Siri 4 – Penyertaan) yang ditetapkan pada siri 1 dan siri 2, tidak akan diterima masuk untuk siri 3.

## YURAN

Tiada yuran yang akan dikenakan. Akan tetapi pengurusan pengangkutan, penginapan dan makanan adalah tanggungjawab masing-masing.

## PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

## KEJOHANAN MEMANAH PODIUM

Nilai, Negeri Sembilan



Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejoohan Memanah Podium.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Kejoohan Memanah Podium.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

Recurve	: 70m Rounds
Compound	: 50m Rounds

Target Face yang akan diguna pakai adalah:

Recurve	: Outdoor 122cm Face (1 – X)
Compound	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)

Acara yang akan dipertandingkan pada siri 1 hingga 3 adalah acara kelayakkan individu sahaja. Tiada acara penyingkiran bagi semua kategori.

## PERATURAN SIRI 4

### TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : Kompleks Sukan MSN Nilai, Negeri Sembilan

9/12/2022 (Jumaat)	Practice Team Managers Meeting Equipment Inspection
10/12/2022 (Sabtu)	70m Rounds Recurve 50m Rounds Compound
11/12/2022 (Ahad)	Round Robin Recurve Round Robin Compound



## PENDAFTARAN

Peserta yang mencapai MQS yang telah ditetapkan akan di tawarkan untuk menyertai kejohanan siri 4.

## KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1. Recurve Men Individual
2. Recurve Women Individual
3. Compound Men Individual
4. Compound Women Individual

## PENYERTAAN

Peserta yang mencapai MQS berikut pada kejohanan Siri 1 hingga Siri 3, sekurang-kurangnya mendapat 2 kali MQS yang ditetapkan diantara kejohanan siri 1 hingga 3, akan ditawarkan untuk menyertai kejohanan Siri 4:

Recurve Men	:	640
Recurve Women	:	610
Compound Men	:	680
Compound Women	:	670

## YURAN

Tiada yuran yang akan dikenakan. Akan tetapi pengurusan pengangkutan, penginapan dan makanan adalah tanggungjawab masing-masing.

## PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Podium.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Podium.

## KEJOHANAN MEMANAH PODIUM

Nilai, Negeri Sembilan



Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Podium.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

Recurve	: 70m Rounds
Compound	: 50m Rounds

Target Face yang akan diguna pakai adalah:

Recurve	: Outdoor 122cm Face (1 – X)
Compound	: Outdoor 80cm Face 6 rings (5 – X)

Format pertandingan adalah seperti berikut:

Pusingan kelayakkan (70m Rounds/ 50m Rounds) dan Rounds Robin.

Hanya 8 orang atlet (8 terbaik pusingan kelayakkan dan mencapai MQS) akan ke Rounds Robin.

## GANTI RUGI

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.